

Sentimen pasaran lebih baik dorong terbitan Cagamas bagi 2019

KUALA LUMPUR: Perbadanan gadai janji nasional, Cagamas Bhd, mengumumkan agregat terbitan instrumen hutang konvensional RM395 juta, meliputi Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) satu tahun RM95 juta dan Kertas Komersial Konvensional (CCP) tiga bulan RM300 juta.

Hasil daripada terbitan itu akan digunakan untuk membiayai pembelian pinjaman gadai janji daripada sistem kewangan.

“Permulaan tahun kewangan 2019 menyaksikan sentimen pelabur yang lebih baik didorong peningkatan keyakinan terhadap perundingan perdagangan antara China dan Amerika Syarikat.

“Kenaikan ringgit dan minat mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Rizab Persekutuan yang dikeluarkan lebih berpihak kepada kadar faedah rendah turut menyumbang kepada momentum pasaran bon tempatan.

“Sentimen positif dalam pasaran ini telah membolehkan syarikat menetapkan harga bagi kertasnya pada hasil kompetitif,” menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

Cagamas, Datuk Chung Chee Leong, dalam kenyataan.

Chung berkata, CMTN yang matang dalam tempoh setahun itu berada pada harga kompetitif iaitu paras 3.90 peratus, 10 mata asas di bawah paras sebelum ini pada Disember 2018.

CMTN berkenaan juga merupakan terbitan AAA pertama negara bagi 2019.

“CCP yang matang dalam tempoh tiga bulan itu pula menerima minat yang menggalakkan dan pada harga kompetitif setara berbanding penanda aras dalam negara Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) tiga bulan yang ketika ini berada pada 3.69 peratus

“Harga terakhirnya adalah pada 3.77 peratus pada 14 Disember, 2018

Kertas itu, yang akan ditebus pada nilai nominal penuh masing-masing sebaik sahaja mencapai tempoh matang, merupakan obligasi tidak bercagar Cagamas, berkedudukan setara dalam kalangannya dan dengan semua obligasi tidak bercagar sedia ada lain syarikat.

Ia akan disenaraikan dan diniagakan mengikut sistem dagangan sekuriti tanpa skrip.

— Bernama